

**KUALA
LUMPUR
2017**



SUKAN SEA KE-29
SUKAN PARA ASEAN KE-9

6 HARI LAGI



TUGAS SEBAGAI KETUA KELUARGA TIDAK DILUPA:
Shakir bersama isterinya, Nur Shafiqah Ghazali, dan anak, Muhammad Sirhan Ardhani. – Foto fail

“Hakikatnya, saya masih belum tahu apa langkah saya seterusnya selepas Sukan SEA ini. Insyallah, jika saya rasa saya mampu lagi bersaing, saya akan tetap bersaing. Namun, buat masa ini, perkara ini tidak berada di dalam fikiran saya.”

– Shakir Juanda.

sejak

Walau apa pun, Shakir menegaskan bahawa kunci kejayaan beliau tetap terletak pada berkat sokongan serta dorongan keluarga tercinta.

Bapa seorang anak lelaki berusia hampir dua tahun itu berkata berjauhan daripada keluarga merupakan satu cabaran besar buat beliau.

“Tentu ia merupakan satu cabaran besar buat diri saya dan kerjaya ini. Jadi setiap hari sewaktu lapang saya akan menghubungi mereka menerusi panggilan video dan menanyakan khabar.

“Sebagai seorang ketua keluarga dan pesilat negara, saya harus tahu mengatur masa dengan bijak agar tetap melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang suami dan bapa.

“Antara aspek penting yang menjadikan saya seorang juara dunia selain kerja keras, adalah berkat sokongan dan doa anggota keluarga saya. Tanpa mereka, saya mungkin tidak mampu berada di tahap ini sekarang,” ujarnya.